

13/12/2001

Pelajar IPT perlu ada kesedaran politik

Mohd Feroz Abu Bakar

TIMBALAN Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Disiplin), Prof Madya Dr Sidek Baba, menyifatkan kecenderungan media melabelkan calon pilihan raya kampus sebagai propembangkang dan prokerajaan adalah perkembangan yang tidak menyumbang ke arah integrasi pelajar dan pembangunan negara.

Beliau yang juga Pengerusi Sekretariat Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor HEP Universiti Awam berpendapat, masyarakat perlu bijak membezakan antara konsep kesedaran politik (political consciousness) dan pemihakan politik (political partisan) kerana kedua-duanya mempunyai perbezaan yang ketara.

Katanya, pelajar universiti perlu mempunyai kesedaran politik, iaitu kepekaan mereka terhadap perkembangan persekitaran dan juga perkembangan di peringkat antarabangsa termasuk isu semasa dan kenegaraan.

Katanya, kesedaran politik itu sama pentingnya dengan kesedaran ekonomi dan sosial kerana pelajar universiti perlu mempunyai kefahaman mendalam terhadap semua persoalan terbabit.

Katanya, kesedaran politik, ekonomi dan sosial itu akan melahirkan pelajar yang mempunyai daya juang yang tinggi dan mampu bertindak dengan kefahaman menyeluruh selepas mereka menyertai pasaran kerja kelak.

"Sebaliknya, pelajar universiti tidak boleh memihak kepada mana-mana parti politik sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang kerana aspek ini bukan sahaja tidak menyumbang kepada pembinaan ilmu dan tamadun tinggi, tetapi juga membawa kepada pergeseran sesama mereka.

"Namun, pelajar universiti kita mempunyai idealisme masing-masing berasaskan asuhan di rumah dan didikan di sekolah atau universiti dan kita mahu pelajar ini berpegang teguh kepada prinsip masing-masing dengan pelbagai metodologi yang mereka pelajari.

"Pelajar universiti sepatutnya menekuni faktor-faktor sezaman dan menangani cabaran dalam lingkungan masing-masing agar menjadi generasi yang membawa kepada pembangunan negara.

"Selepas bergraduat, mereka sudah matang dan bebas untuk memilih atau berpihak kepada parti kerajaan atau pembangkang," katanya.

Dr Sidek turut menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa majoriti pelajar UIAM berpihak kepada pembangkang.

Katanya, hal itu hanya tuduhan semata-mata kerana lawatan Dr Mahathir ke universiti dan interaksi Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid dengan pelajar tidak pernah menimbulkan sebarang masalah atau bantahan.

Bahkan, katanya, sejak peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998, tidak pernah terjadi demonstrasi di dalam atau di depan kampus universiti itu.

Katanya, tidak adil jika pelajar yang memenangi pilihan raya kampus universiti itu dituduh sebagai propembangkang kerana mereka bertanding atas kekuatan individu.

Beliau berkata, pelajar memilih calon kegemaran mereka berdasarkan sumbangan calon dalam organisasi di peringkat fakulti atau kelab, populariti calon di kalangan pelajar secara menyeluruh dan keterampilan calon yang tergambar menerusi penampilan dan perwatakan masing-masing.

Katanya, tidak wujud manipulasi oleh universiti atau kumpulan tertentu untuk memastikan kemenangan calon tertentu.

Sementara itu, beliau turut menafikan dakwaan sesetengah pelajar bahawa pilihan raya kampus UIAM baru-baru ini telah dimanipulasi oleh pihak pentadbiran universiti dan dikendalikan dengan kaedah yang tidak

sepatutnya.

Beliau menjelaskan, umumnya proses pilihan raya UIAM berjalan lancar dan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh peraturan universiti serta undang-undang negara, kecuali insiden pertengkaran pelajar yang disalah lapor oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris.

Akhbar berkenaan melaporkan terdapat pergaduhan besar dan kejadian bertumbuk di kalangan sejumlah pelajar sedangkan peristiwa itu tidak pernah berlaku semasa proses pengundian atau dalam tempoh berkempen.

UIAM sudah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyasat dakwaan bahawa terdapat calon yang tidak layak dan beberapa calon yang berkempen secara berkumpulan.

Katanya, bantahan pertama mengenai seorang calon yang dikatakan membuat kenyataan dalam akhbar Internet dan kenyataan itu dikatakan satu bentuk kempen yang tidak dibenarkan dalam peraturan universiti.

Beliau berkata, Lembaga Pilihan Raya Universiti (LPU) sudah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyasat hal berkenaan dan memutuskan kes itu sebagai kes disiplin.

"Bantahan kedua ialah pelajar membawa gambar sekumpulan calon sedang menyiapkan poster di bilik kuliah dan pengadu mengatakan perbuatan itu satu bentuk berkempen secara berkumpulan yang tidak dibenarkan dalam peraturan.

"LPU bermesyuarat dan memutuskan tuduhan itu hanya dakwaan semata-mata kerana tiada bukti yang menunjukkan kumpulan pelajar itu berkempen secara beramai-ramai di seluruh kawasan universiti.

"Calon dan pelajar memang dibenarkan membuat poster sendiri mengikut spesifikasi peraturan dan LPU mendapat calon terbabit tidak bersalah dan bantahan ditolak.

"Jadi tidak berlaku peristiwa bahawa UIAM tidak melayan bantahan pelajar atau universiti tidak mengikut peraturan pilihan raya kerana semua tindakan yang diambil oleh LPU selaras dengan peraturan universiti termasuk tambahan baru yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas rungutan pelajar UIAM, Zambri Md Isa bahawa pentadbiran universiti itu tidak mengambil endah terdapat bantahan pelajar terhadap proses pencalonan dan berkempen dalam pilihan raya kampusnya.

Pelajar itu juga mendakwa pilihan raya kampus UIAM tidak berjalan mengikut lunas yang sepatutnya.

Rungutan itu dibuat ketika sesi dialog wakil pelajar universiti seluruh negara dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan disiarkan dalam akhbar minggu lalu.

(END)